

Mhi
Sejak 1982

ملاک هاری این
MELAKA HARIINI

ملاک هاری این



Teroka pelaburan baharu



- Yang di-Pertua Negeri mahu Melaka jadi destinasi pelaburan bioteknologi, agro-industri
- Rancakkan kembali pelancongan di Melaka
- 689 terima darjah, bintang dan pingat kebesaran Melaka sempena Hari Jadi TYT ke-72 2&4

Pembangunan inklusif untuk semua



- Bajet 2022 Negeri Melaka dibentang dalam masa terdekat - Sulaiman
- RM4.26b nilai pelaburan Melaka Jan-Jun 2021
- Kadar pengangguran Melaka kedua terendah dalam negara
- 27 projek jangka pendek atasi banjir 2

Melaka destinasi pelaburan agro-industri, bioteknologi - TYT

Siti Salehah & Faiz Hasan

SERI NEGERI - Melaka disaran untuk dibangunkan menjadi sebuah destinasi pelaburan berkonsepkan agro-industri dan bioteknologi selaras dengan perkembangan sains, teknologi dan Revolusi Industri 4.0.

Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam berkata perluasan inisiatif pintar dan industri digital serta memperkasakan penggunaan data juga perlu dimasukkan dalam agenda perancangan pembangunan negeri.

Katanya lagi, agensi kerajaan juga perlu menjalin kerjasama erat dengan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi dalam sektor pembuatan.

"Terutamanya di subsektor pemangkin iaitu elektrikal dan elektronik (E&E), bahan kimia, mesin dan peralatan (M&E), aeroangkasa dan peralatan perubatan.

"Pada masa yang sama, masih ada banyak peluang dalam sektor perkhidmatan seperti bidang hub

utama, logistik, e-dagang, teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka sempena Sambutan Hari Jadi ke-72 di Balai Istiadat Seri Negeri, 4 Dislalu.

Mohd Ali berkata, beliau difahamkan bahawa MIDA turut memfokuskan pelaburan baharu yang mempunyai elemen pembangunan mega, ekonomi digital, e-dagang dan Industri 4.0.

"Antaranya dalam bidang keutamaan agensi tersebut berkaitan Industri 4.0 seperti Robot Autonomi, Analisis Data Raya, Perkomputeran Awan, Internet Pelbagai Benda (IoT), Pembuatan Aditif (Pencetakan 3D), Kecerdasan Buatan (AI) dan Realiti Terimbuh (AR).

"Pelaburan yang mempunyai elemen Industri 4.0 adalah selaras dengan Dasar Industry4WRD yang dilancarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam usaha mentransformasikan industri pembuatan



MOHD Ali dan isteri Toh Puan Datuk Wira Asmah Abdul Rahman pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka di Balai Istiadat Seri Negeri.

dan perkhidmatan di negara ini untuk lebih berdaya saing dengan syarikat global," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menggesa kerajaan negeri meneruskan agenda pembangunan yang telah dirancang menerusi pembelian geran tahunan dan peruntukan

yang telah diluluskan di peringkat persekutuan.

Selain itu, beliau juga mahu sektor pelancongan negeri kembali dirancakkan selaras dengan kebenaran rentas negeri dan juga pembukaan sempadan Malaysia-Singapura.

"Pelbagai usaha dan inisiatif

perlu dijalankan dalam usaha menarik kehadiran pelancong ke Melaka.

"Agensi kerajaan negeri hendaklah menjalinkan kerjasama dengan rakan strategik sektor pelancongan untuk bersama-sama memajukan semula sektor pelancongan Melaka," katanya.

Bajet 2022 fokus pembangunan inklusif - KM

SERI NEGERI - Perancangan pembangunan bersifat inklusif akan menjadi fokus utama kerajaan negeri demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat Melaka, kata Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Beliau berkata, manfaat pembangunan yang dirancang itu bakal dinikmati oleh semua golongan, tanpa ada mana-mana pihak yang terciri.

"Perancangan itu akan diumumkan secara perinci dalam pembentangan Bajet 2022 Negeri Melaka dalam masa terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam

ucapan tahniah dan taat setia pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka 2021 sempena Sambutan Hari Jadi Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam Ke-72, di Balai Istiadat Seri Negeri, 4 Dislalu.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan peningkatan positif nilai pelaburan Melaka dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini berbanding dua tahun sebelumnya.

Beliau berkata, meskipun berdepan cabaran ekonomi sejak pandemik COVID-19 melanda, Melaka telah menerima pelaburan berjumlah

lah RM4.26 bilion dalam tempoh Jan hingga Jun tahun ini.

"Selain itu, kadar pengangguran di Melaka pada tahun 2020 mencatat kedudukan kedua terendah selepas Putrajaya, iaitu 2.2 peratus berbanding peringkat nasional pada kadar 4.5 peratus.

"Walaupun kadar penganguran Negeri Melaka mencatat angka yang selesa, kerajaan negeri sentiasa melaksanakan inisiatif untuk membantu rakyat mencari pekerjaan khususnya kepada golongan muda," katanya.

Sulaiman berkata, kerajaan negeri juga komited untuk memastikan

rakyat di negeri ini akan menerima kemudahan infrastruktur asas yang baik selari di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Pada Rolling Plan Pertama Tahun 2021, Melaka telah menerima peruntukan sebanyak RM369 juta untuk pelaksanaan sebanyak 169 projek dan program yang telah dirancang sepanjang 2021.

"Di dalam Bajet Nasional 2022, sebanyak 171 projek pembangunan dengan kos keseluruhan bernilai RM5.534 bilion telah diluluskan untuk dilaksanakan di negeri ini dimana melibatkan RM574 juta untuk diberanggariah pada tahun 2022.

"Sebagai tambahan, sebanyak RM20 juta juga telah diperuntukan untuk melaksanakan pelbagai projek berkenaan jaminan makanan, pelancongan serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam

sekitar termasuk menangani isu banjir," katanya.

Mengulas isu banjir, Sulaiman memaklumkan terdapat lapan projek bernilai RM931.2 juta telah diluluskan sebagai penyelesaian jangka panjang isu itu.

Antara projek yang akan dilaksanakan termasuklah menaik taraf kolam tebakan banjir Krubong-Durian Tunggal sebagai kolam dwifungsi untuk tebakan banjir dan sumber air.

"Projek ini (kolam tebakan banjir Krubong-Durian Tunggal) merupakan yang pertama seumpamanya dilaksanakan di Malaysia.

"Selain itu, sebanyak 27 projek jangka pendek bernilai RM17.6 juta akan dilaksanakan pada tahun 2022 menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Negeri," katanya.



SULAIMAN dalam ucapan tahniah dan taat setia pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka 2021 sempena Sambutan Hari Jadi Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam Ke-72.

WAKTU SOLAT						
	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
6 DISEMBER 2021	5.49 am	7.03 am	1.05 pm	4.28 pm	7.03 pm	8.18 pm
7 DISEMBER 2021	5.50 am	7.03 am	1.05 pm	4.28 pm	7.04 pm	8.18 pm
8 DISEMBER 2021	5.50 am	7.04 am	1.05 pm	4.29 pm	7.04 pm	8.19 pm
9 DISEMBER 2021	5.51 am	7.04 am	1.06pm	4.29 pm	7.04 pm	8.19 pm
10 DISEMBER 2021	5.51 am	7.05 am	1.06 pm	4.30 pm	7.05 pm	8.20 pm
11 DISEMBER 2021	5.51 am	7.05 am	1.07 pm	4.30 pm	7.05 pm	8.20 pm
12 DISEMBER 2021	5.52 am	7.06 am	1.07 pm	4.31 pm	7.06 pm	8.20 pm



Setinggi-tinggi Tahniah



KEPADA

Tuan Yang Terutama

Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W, D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.,

Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

Sambutan Hari Jadi Ke-72

4 Disember 2021 Bersamaan 29 Rabiulakhir 1443H

SETULUS IKHLAS DARIPADA

**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI,
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI,
SEMUA PENJAWAT AWAM
DAN SELURUH RAKYAT NEGERI MELAKA



SETIAUSAHA Khas Hal Ehwal Masyarakat Ketua Menteri, Datuk Muhamad Ahyad Abdullah menerima Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M.) daripada Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.

Hanya calon terbaik sarung uniform PDRM

SERI NEGERI - Polis Diraja Malaysia (PDRM) sudah menjalankan beberapa program 'talent scout' dalam memastikan pegawai dan anggota yang dilantik menyertai pasukan beruniform itu terdiri daripada calon terbaik.

Ketua Polis Negara Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, menerusi program dijalankan itu ia dapat mengenal pasti individu yang berpotensi untuk diambil sebagai pegawai kanan ataupun anggota berpangkat rendah.

"Kita sudah buat kajian dan sebenarnya kita sudah pun adakan program terbabit di peringkat awal, pertamanya untuk pegawai kanan iaitu Kor Sutera Polis Siswa Siswi (Suksis) di universiti."

"Mereka merupakan calon yang kita rasa amat berpotensi untuk diambil sebagai pegawai kanan."

"Untuk pegawai anggota rendah pula kita ada program Kor Kadet Polis di sekolah. Sekiranya mereka layak untuk memohon penjawatan konstabel polis, mereka merupakan antara ke-



ACRYL Sani

lompok yang berpotensi untuk kita ambil sebagai anggota pasukan polis," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka Sempena Sambutan Hari Jadi Ke-72 Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.

Terdahulu, Acryl Sani yang dianugerahkan Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM) yang membawagelaran Datuk Seri merakamkan ucapan penghargaan kepada Tun Mohd Ali atas kesudian memberikan penghormatan itu.

"Saya mewakili warga PDRM mengucapkan penghargaan terima kasih kerana mengurniakan darjah kebesaran ini kepada saya dan empat lagi pegawai kanan."

"Ini adalah pengiktirafan kepada warga PDRM dan sekaligus memberi dorongan motivasi kepada semua dalam terus memberi khidmat terbaik buat masyarakat demi kesejateraan," katanya.

Legenda bola sepak titip nasihat

SERI NEGERI - Legenda bola sepak negara Datuk Wira Soh Chin Ann menasihati semua pemain bola sepak agar memperkasa visi dan disiplin demi mengharumkan nama negara ke persada dunia.

Menurutnya, pemain bola sepak perlulah mempunyai azam untuk mencapai kemenangan dalam setiap perlawanan untuk mewakili negeri atau negara.

"Buat pemain bola sepak yang ada sekang yang penting dia mesti ada visi dan disiplin yang baik supaya pada suatu hari nanti mereka dapat bermain untuk negara atau mewakili negara."

"Setiap pemain mesti ada semangat yang tinggi untuk mewakili negara atau negeri yang mereka bermain di Piala Malaysia, Liga Super dan sebagainya."

"Sekiranya mereka nak pergi peringkat kebih tinggi mereka mesti ada semangat yang lebih tinggi untuk mencapai kemenangan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka 2021 di Balai Istiadat Seri Negeri, 4 Dislalu.

Terdahulu, bekas pemain kebangsaan itu dianugerahkan Darjah Cemerlang Seri Melaka (D.C.S.M.) sekali gus membawa gelaran sebagai Datuk Wira yang telah disampaikan Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.

Chin Ann, anak jati Alor Gajah telah banyak menempa nama dalam sukan bola sepak negara malah turut disenaraikan dalam FIFA Century Club sebagai pemain paling banyak mewakili skuad kebangsaan dalam perlawanan antarabangsa.

Chin Ann yang mewakili Malaysia dari tahun 1969 hingga 1984, berada di kedudukan pertama dengan 195 penampilan (caps) sekali gus menggenepikan Bader Almotawaa dari Kuwait yang berada di tempat kedua.

KPN dahului penerima darjah kebesaran Melaka

Faiz Hasan & Siti Salehah

SERI NEGERI - Ketua Polis Negara (KPN) Tan Sri Datuk Seri Acryl Sani dan Panglima Tentera Darat Jeneral Tan Sri Datuk Seri Zamrose Mohd Zain mendahului antara 689 penerima Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka sempena Sambutan Hari Jadi ke-72 Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam, 4 dan 5 Dislalu.

Kedua tokoh itu dianugerahkan Darjah Gemilang Seri Melaka (D.G.S.M.) sekali gus membawa gelaran Datuk Seri.

Dalam istiadat itu, isteri Ketua Menteri, Datin Seri Utama Datuk Wira Munira M Yusop turut mendahului senarai tujuh penerima bagi Darjah Cemerlang Seri Melaka (D.C.S.M) yang akan membawa gelaran Datuk Wira.

Turut menerima darjah sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Dr Noor Zari Hamat; lagenda bola sepak negara, Datuk Soh Chin Ann serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai, Datuk Hasan Abd Rahman.

Manakala, Darjah Seri Mahkota Melaka (D.M.S.M.) yang membawa gelaran Datuk pula dianugerahkan ke-

pada Hakim Mahkamah Tinggi Melaka Datuk Anselm Charles Fernandis.

Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M) pula diaugerahkan kepada 30 penerima, antaranya Penasihat Undang-Undang Melaka Datuk Abd Aziz Engan; Pengurus Besar Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) Datuk Mustafa Musa dan Setiausaha Khas Hal Ehwal Masyarakat Ketua Menteri Datuk Muhamad Ahyad Abdullah.

Kerajaan negeri turut menganugerahkan Bintang Cemerlang Melaka kepada pemain badminton negara yang juga anak kelahiran Melaka, Aaron Chia Teng Fong yang telah mengharumkan nama di Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Anugerah sama juga turut diberikan kepada Penaruh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Melaka Cuthbert John Martin Quadra dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bioteknologi Melaka Tee Mei Ghee.

Untuk rekod, gelaran bagi Anugerah Darjah Kebesaran Negeri Melaka sudah boleh digunakan oleh penerima pada 24 Ogos lalu.

Istiadat yang sepatutnya diadakan pada tarikh itu terpaksa ditangguhkan susulan penularan jangkitan COVID-19 masih tinggi dalam negara dan negeri ini.



KETUA MENTERI Datuk Seri Sulaiman Md Ali (kiri) melihat anugerah Darjah Cemerlang Seri Melaka (D.C.S.M.) yang membawa gelaran Datuk Wira yang diperolehi isterinya Datuk Wira Munira M Yusop selepas Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka sempena Sambutan Hari Jadi ke-72 Yang di-Pertua Negeri Melaka 2021 di Balai Istiadat Seri Negeri. Foto: MR. Azli

RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 6 DISEMBER - 10 DISEMBER 2021

Isnin 6/12/2021	Selasa 7/12/2021	Rabu 8/12/2021	Khamis 9/12/2021	Jumaat 10/12/2021
Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Hujan di satu dua tempat Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Tiada hujan Petang: Tiada hujan Malam: Hujan di satu dua tempat Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu dua tempat di kawasan pedalaman Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu dua tempat di kawasan pedalaman Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu dua tempat di kawasan pedalaman Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°
www.melakaharlini.my	Facebook Instagram Twitter Melaka Hari Ini	Melaka Tv	Sumber : Jabatan Meteorologi Melaka (MetMalaysia) Infografik : Melaka Hari Ini	



Setinggi-Tinggi Tahniah

KEPADА

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**

DI ATAS PELANTIKAN SEBAGAI


**KETUA MENTERI MELAKA
KE-13**

daripada
Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa



YAYASAN DMDI
836195-M

DMDI
MALAYSIA



Melaka bakal jadi hab kereta elektrik pertama negara

Fiqah Jamal

AYER KEROH - Melaka bakal menjadi pusat pemasangan kereta elektrik (EV) pertama negara pada tahun hadapan.

Exco Pelaburan negeri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata beberapa syarikat antarabangsa dari China yang berminat bagi tujuan terbabit.

Katanya, cadangan daripada syarikat berkenaan sedang dibincangkan dan diteliti sebelum ia diputuskan tidak lama lagi.

"Sudah pasti pelabur baru yang berminat untuk melabur di Melaka dalam industri pemasangan kereta elektrik itu mengharapkan sekiranya kita dapat membawa industri pemasangan

kereta elektrik ini di Melaka sekali gus membawa satu teknologi baru dalam industri kereta elektrik.

"Mereka juga mencadangkan bahawa kereta elektrik ini dijennamakan sebagai kereta elektrik pertama kebangsaan jadi saya sedang meneliti cadangan ini."

"Saya akan melihat dengan lebih terperinci kawasan-kawasan industri yang boleh diberikan ruang untuk mereka memilih kawasan yang sesuai dengan industri pemasangan kereta elektrik yang pertama di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian selepas membuat lawatan ke Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM), di sini, 29 Nov lalu yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Azmi

Hussain.

Mengulas lanjut, Ab Rauf yang juga Exco Perindustrian dan Pembangunan Usahawan berkata, Melaka akan memberi keutamaan kepada industri automotif yang disifatkan sebagai salah satu industri terbesar dalam negeri.

"Honda telah membuktikan keupayaan negeri Melaka membawa industri ini telah berjaya meletakkan Melaka di salah satu negeri yang berkecimpung dalam bidang pemasangan automotif," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan negeri turut bercadang menarik lebih ramai pelabur untuk meneroka bidang aeroangkas serta industri minyak dan gas ke negeri ini.



AB Rauf ketika mengadakan lawatan ke PKNM, 29 Nov lalu.

Melaka Agro Market sasar nilai jualan setengah juta

Liana Sahabudin

BUKIT KATIL - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka menyasarkan nilai jualan sebanyak RM500,000 menerusi Melaka Agro Market (MAM), tahun depan.

Exco Pertanian Datuk Abdul Razak Abdul Rahman berkata, sasaran itu dapat dicapai dengan mewujudkan sebanyak 50 MAM di setiap outlet FAMA sepanjang 2022.

"MAM ini program untuk membantu rakyat lebih-lebih lagi dalam isu kenaikan barang hari ini yang begitu ketara justeru, kita jangkakan adakan di setiap daerah dalam Negeri Melaka.



ABDUL Razak melihat barang yang dijual di Pasar Tani Kampung Tun Razak.

"Selain daripada pasar tani pada masa yang sama kita dapat membantu rakyat untuk mengurangkan kos sara hidup. Hari ini kita dapat lihat dari segi harga begitu ketara, contohnya kangkung biasanya RM6, tetapi di MAM kita dapat dengan harga RM2 saja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan Program Jualan MAM di Kampung Tun Razak, 3 Dis lalu.

Jelasnya, beberapa lokasi strategik telah dikenal pasti untuk penganguran MAM bagi membolehkan rakyat seluruh negeri membeli barang basah dengan harga yang lebih rendah.

"Kita cadangkan lokasi baru MAM di kawasan

Bukit Katil Damai, Telok Mas, Dataran Keris Alor Gajah, Pantai Tanjung Bidara, Kompleks Seri Negeri, Perkarangan Masjid Kessang Tua, Simpang Bekoh, Bukit Tempurung, Dataran 1Malaysia Klebang, Taman Botanikal dan Pusat Perniagaan Jelatang.

"Kita akan adakan setiap minggu cuma lokasinya berubah-ubah. Walaupun dalam skala kecil tetapi kesannya amat besar kepada pengguna dari segi mengurangkan kos sara hidup," katanya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan FAMA telah merekodkan nilai jualan berjumlah RM151,025 menerusi MAM bermula Oktober 2020 sehingga 31 Oktober 2021 yang lalu.

Kerjasama ibu bapa, guru elak kluster pendidikan

AYER KEROH - Semua pihak khususnya ibu bapa dan guru perlu mengambil inisiatif kendiri terhadap anak dan murid sekolah bagi mengelakkan berlakunya penularan COVID-19 sehingga mencegah kluster pendidikan di negeri ini.

Exco Pendidikan negeri Datuk Rais Yasin berkata, semua pihak termasuk Jabatan Pendidikan Melaka perlu memainkan peranan dan memastikan arahan mewajibkan murid sekolah rendah disaring secara mingguan berjalan lancar di Melaka.

"Apa yang disarankan atau diwajibkan oleh KKM ini saya amat sokong dan berharap agar pihak Jabatan Pendidikan Melaka sambut baik inisiatif ini dan juga pastikan ia berjalan lancar di Melaka.

"Kita sudahpun hidup dengan COVID-19 ini selama lebih dua tahun jadi waktu sekarang ini adalah kerjasama semua pihak dan ia amat penting terutama sekali selain daripada pihak guru di sekolah, ia juga me-

merlukan kerjasama daripada ibu bapa.

"Jadi kalau ibu bapa ini melihat anak mereka contohnya ada gejalademam ataupun ada selsema, pastikan jangan hantar dulu ke sekolah sebelum membuat ujian kendiri," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, beliau berpesan kepada semua pendidik di negeri ini agar sentiasa memastikan prosedur operasi standard (SOP) dalam kalangan murid sekolah perlu dipertingkatkan dan dipatuhi.

Beliau yang juga Exco Teknologi negeri berkata, pihaknya akan segera mengambil tindakan pantas dan sewajarnya sekiranya didapati terdapat jangkitan baharu COVID-19 di sekolah-sekolah negeri ini.

"Apa yang pasti saya bagi jaminan kalau sekolah itu ada saja kes walaupun satu dua kes, kita akan pastikan berapa proses sanitasi dan pembersihan itu akan dilaksanakan sebaik mungkin," ujarnya.



MESYUARAT pertama Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Melaka bagi penggal ke-15 sebaik pembentukan Kerajaan Negeri Melaka yang baharu di Bilik Mesyuarat MMKN di Seri Negeri, 1 Dis lalu, yang dipengerusikan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.



Setinggi-tinggi
Tahniah

**YAB DATUK SERI UTAMA (DR.)
HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**

SEMPENA PELANTIKAN SEBAGAI

**KETUA MENTERI MELAKA
KE - 13**



Setulus Ikhlas Daripada



**Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif,
Doktor Pakar dan Seluruh Warga Kerja
Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn Bhd**

Harga barang naik

'Orang tengah' jadi punca

Liana Sahabudin

PENGKALAN BATU - Kerajaan negeri meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memantau kegiatan 'orang tengah' yang mungkin menjadi punca pada kenaikan harga barang basah.

Exco Hal Ehwal Pengguna Ngwe Hee Sem berkata, hasil maklumat yang diterima mendapati terdapat beberapa peringkat orang tengah dalam rantai makanan yang cuba mengambil kesempatan dalam mengaut keuntungan.

Katanya, satu jalan penyelesaian terbaik perlu dilaksanakan segera su-

paya kegiatan pihak yang mahu menangguk di air keruh ini dapat dihentikan.

"Mungkin kita akan pantau pada orang tengah kerana barang ini dia diri pada kilang atau dari petani, lepas itu melalui orang tengah mungkin tiga ke empat orang."

"Jadi setiap orang tengah sudah untung kira-kira RM1, RM2. Apabila sampai di pasar borong mereka sudah jual dengan harga yang tinggi."

"Tapi kita sudah periksa harga datang dan harga jualan mereka agak berpatutan. Jadi ini bukan masalah dari peniaga," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas memantau hargabar-

ang di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), 2 Dislalu.

Dalam pada itu, beliau meminta supaya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjual barang secara terus kepada peniaga bagi mengelakkan timbulnya isu kenaikan harga.

"Kalau boleh FAMA ambil peranan penting untuk atasi masalah ini, beli banyak lepas tu terus jual kepada Pasar Tani."

"Itu sudah jimat untuk kos orang tengah, kita akan bawa perkara ini kepada Kementerian, tengok macam mana. Saya akan jumpa FAMA dalam masa terdekat," katanya.



NGWE Hee Sem (kiri) semasa melakukan pemantauan harga barang basah, di Pasar Besar MBMB.

Peniaga tersepit, pembeli merungut

BACHANG - Bukan hanya berdepan rungutan pembeli, malah peniaga barang basah di negeri ini tidak terkecuali memperolehi keuntungan yang sedikit.

Exco Kebajikan Negeri, Datuk Kalsom Noordin berkata rentetan itu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) diarahkan untuk segera bertindak mengangani masalah tersebut.

"Ia bukan saja menjajaskan rakyat, malah peniaga terpaksa berdepan dengan rungutan pembeli."

"Kementerian harus menangani perkara ini, bukan hanya rakyat atau orang bawah ini sahaja, bahkan penjual turut terkesan, ada kata untung hanya RM1, RM2 dan ada RM0.50."

"Harga barang yang datang dah memang naik begitu. Jadi kita harap disini lah pihak yang berwajib KPDNHEP buat sesuatu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada MHI selepas mengadakan lawatan di Pasar Besar MBMB, 28 Nov lalu.

Kalsom yang juga Ahli Dewan Un-



KALSUM bertanyakan masalah peniaga ayam di Pasar Besar MBMB.

dangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu meminta supaya pihak atasan mendengar keluhan rakyat di negeri ini.

"Peniaga dah tak tahan lagi dengan kerohan pembeli minta taraw harga, tapi penjual ni pulak keuntungan tak ada, nipis sangat. Itu yang sering

berlaku."

"Jadi harapan saya kementerian lihat masalah ini, kita kena dengar keluhan rakyat."

"Saya pun rasa kesian juga sebab orang-orang kita ni yang pendapatan tak seberapa tu nak beli barang nak makan terkesan" katanya.



PENIAGA ayam goreng terpaksa menaikkan harga jualan ekoran kenaikan harga bahan mentah.

"Na si le mak a yam se la lunya kita jual RM5 se kara ng terpaka na ik RM1 ja di RM6 se bungkus ma lah kos b eli ba ng me mang berg anda (jika) du lu a nta ra RM90 ke RM100, se kara ng me nc e ca h a nta ra RM190 ke RM200"

Peniaga makanan terpaksa naikkan harga

AYER KEROH - Peniaga dan penjaja makanan di negeri ini mengakui tersebut dengan kenaikan harga barang basah yang mendadak ketika ini hingga terpaksa menaikkan harga jualan mereka.

Peniaga ayam goreng di Ayer Keroh, Muhammad Syafiq Hasbullah, 32 berkata, harga jualan ayam gorengnya terpaksa dinaikkan daripada RM3 kepada RM4 sekutul.

"Saya bermula bulan Feb hingga sekarang dah hampir lapan bulan, pada awalnya harga untuk sekutul ayam RM3 sekarang cecah RM4."

"Saya terpaksa jual dengan harga begitu disebabkan kenaikan barang basah tersebut, kesan daripada itu ada sedikit penurunan dari segi jualan, namun untuk stabilkan harga dengan pasaran saya terpaksa naikkan harga jualan."

"Bagaimanapun, kualiti makanan seperti saiz dan rasa masih sayakekalkan supaya tidak hilang pelanggan sedia ada," katanya.

Seorang lagi peniaga Halijah Abd Rahim, 41, turut mengakui terpaksa menaikkan harga jualan makanan lebih RM1 daripada harga biasa.

"Saya bermula sudah setahun setengah, ada pelanggan yang merungut harga makanan naik namun saya memberitahu ia susulan harga ayam mentah dah naik."

"Nasi lemak ayam selalunya kita jual RM5 sekarang terpaksa naik RM1 jadi RM6 sebungkus malah kos b eli barang memang berganda (jika) du lu antara RM90 ke RM100, sekarang mencecah antara RM190 ke RM200, pergi pasar raya sayur-sayur semua dah naik harga," katanya.

Jualan Keluarga Malaysia ringankan beban rakyat



PROGRAM Jualan Keluarga Malaysia yang dilancarkan baru-baru ini bertujuan untuk meringankan beban pengguna susulan isu kenaikan harga barang dan makanan. (FOTO: KPDNHEP)

KUALA LUMPUR - Kerajaan menganjurkan program Jualan Keluarga Malaysia di semua 222 kawasan Parlimen secara serentak bermula 4 Dis sebagai antara usaha meringankan beban rakyat susulan kenaikan harga barang ketika ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri berkata pada peringkat permulaan, program itu yang menawarkan barang keperluan harian pada harga murah antara 20 dan 50 peratus disasarkan diadakan dua kali setiap bulan memfokuskan kepada kawasan ramai penduduk daripada golongan B40 dan M40.

"Padaperingkat permulaan, dua kawasan di setiap (kawasan) Parlimen dengan awalnya yang ramai B40 dan M40 kerana golongan itu adalah yang terkesan teruk terutama selepas penularan COVID-19," katanya pada sidang media selepas melancarkan program Jualan Keluarga Malaysia di Dataran Perpustakaan Lembah Pantai, 2 Dis lalu.

Program itu merupakan usaha pelbagai pihak antaranya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP); Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) selain syarikat swasta.

Menurut Ismail Sabri, pengjuran program Jualan #Keluarga Malaysia itu disasarkan diadakan sehingga Februari depan, bergantung kepada situasi semasa harga barang.

Katanya usaha kerajaan melalui beberapa kementerian bertanggungjawab mengimport bekalan seperti sayur dapat memastikan ia mencukupi di pasaran seterusnya menurunkan harga jualan.

"Kalau harga barang jatuh sebelum Februari, jualan murah (Jualan Keluarga Malaysia) ini tidak diteruskan, tapi kalau harga tidak turun jualan akan diteruskan... yang penting kerajaan sedar apa dialami rakyat dan tidak akan biarkan rakyat tanggung sendiri," katanya.

Sementara itu, beliau memak-

lumkan Majlis Tindakan Sarawak Negara akan bermesyuarat bagi membincangkan punca kenaikan harga barang ketika ini selain menentukan intervensi jangka pendek dan jangka panjang.

Beliau berkata selain KPDNHEP, turut dilibatkan dalam mesyuarat itu ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Pengangkutan.

"Pengangkutan sering juga dikatakan punca kenaikan harga barang, misalnya alasan tukar tayar. Bukan tiap bulan tukar tayar, tak kan nak dijadikan isu sebab itu kita panggil juga Kementerian Pengangkutan," katanya.

Perdana menteri juga menegaskan bahawa tiada sebarang kompromi dalam bentuk tindakan terhadap mana-mana peniaga yang tidak beretika dengan menaikkan harga barang tanpa sebab munasabah ketika orang ramai dalam kesusahan. - BERNAMA

Tempoh sebulan selesai isu kenaikan harga

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi tempoh sebulan untuk mencari penyelesaian secara menyeluruh dan berterusan bagi menangani isu kenaikan harga barang dan makanan.

Menterinya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata

bagi penyelesaian jangka masa pendek, kementerian memperkenalkan program Jualan Keluarga Malaysia yang menawarkan barang keperluan asas pada harga sehingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran.

Beliau berkata pihaknya merancang untuk mengadakan program itu di setiap 222 kawasan Parlimen di seluruh negara secara berperingkat.

"Buat masa ini kementerian mencadangkan program ini dibuat dua kali sebulan, tapi ada permintaan supaya dibuat lebih kerap. Jualan Keluarga Malaysia ini adalah langkah jangka pendek supaya pengguna boleh pergi ke tempat seperti ini membeli dengan harga yang lebih kurang daripada pasaran yang dikatakan tinggi."

"Kita juga perlu melihat bagaimana untuk menanga-

ni masalah ini (kenaikan harga) untuk jangka panjang.

"Kita risau juga kalau kita tidak ada perancangan yang lebih menjurus kepada penyelesaian jangka panjang takut ini (kenaikan harga) boleh berlaku pada bila-bila masa," katanya dalam satu temu bual program 2 Dis lalu.

Mengulas lanjut, Nanta berkata kenaikan harga barang dan makanan disebabkan beberapa faktor antaranya aktiviti perniagaan seperti restoran dan kedai makan yang mula beroperasi sepenuhnya selepas kelonggaran diberikan kerajaan yang menyebabkan permintaan barang asas meningkat secara mendadak.

"Begitu juga faktor keluaran sayur-sayuran di Cameron Highlands, Pahang yang kurang kerana lazimnya hujan yang terjadi pada musim tengkujuh dan industri itu kekurangan tenaga buruh asing yang telah memberi kesan kepada aktiviti pengeluaran untuk menampungnya.

"Kita juga difahamkan ada sayur-sayuran yang diimport dari negara asing, tapi apabila diimport dari negara asalnya harganya sudah tinggi," katanya. - BERNAMA

Melaka terima 116 aduan harga barang

Fiqa Jamal

AYER KEROH - Sebanyak 116 aduan berkaitan perihal harga barang telah diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka sepanjang tahun ini.

Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar berkata, aduan itu termasuklah berkaitan penandaan harga, harga mengelirukan dan kenaikan harga.

Beliau berkata, sejak sektor ekonomi dibuka secara menyeluruh Oktober lalu, trend peningkatan harga mula meningkat secara mendadak hingga mencetuskan kegusaran rakyat.

"Bagaimanapun, KPDNHEP Melaka melalui Seksyen Penguatkuasa akan melaksanakan pemeriksaan setiap hari bagi memastikan peniaga mematuhi peraturan yang ditetapkan dan memastikan

bekalan makanan di pasaran sentiasa mencukupi bagi memenuhi permintaan setiap pengguna di Melaka," katanya dalam satu kenyataan pada 30 Nov.

Mengulas lanjut, Norena berkata, sejak Jan hingga Nov tahun ini, pihaknya telah menjalankan pelbagai operasi dalam usaha membendung kenaikan harga barang keperluan di pasaran.

Sepanjang operasi itu, katanya, sebanyak 246 Notis Pengesahan Maklumat Barang (NPMB) dan 124 notis bertulis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 telah dikeluaran bagi mendapatkan maklumat kenaikan harga barang.

"Sejak 1 Januari 2020 hingga 29 November 2021, sebanyak 30,669 premis perniagaan telah diperiksa meliputi semua lapisan perniagaan iaitu peruncit, pemborong dan pengilang atau peladang," katanya.



PENGUATKUASA KPDNHEP Melaka melakukan pemantauan harga barang di seluruh negeri ini.

HSR: Singapura terbuka terima cadangan baharu Malaysia

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong berkata republik itu terbuka menerima cadangan baharu dari Malaysia mengenai projek HSR dan kementerian pengangkutan kedua-dua negara akan membincangkan perkara itu.

"Singapura berharap menerima butiran lebih terperinci dari Malaysia agar kami boleh mengkajinya dan menimbaangkan sekali lagi perkara itu," katanya.

Lee berkata demikian pada sidang media bersama Ismail Sabri hari ini yang juga disiarkan secara langsung menerusi laman Facebook rasmi beliau, 29 Nov lalu.

Sidang media bersama itu diadakan bersempena dengan pelancaran Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin jalan darat (VTL-Darat) di Singapura.

Pada 1 Jan 2021, Malaysia dan Singapura mengumumkan bersama pena-

"Bagaimanapun, Singapura terbuka menerima cadangan baharu dari Malaysia mengenai projek HSR dan kementerian pengangkutan kedua-dua negara akan membincangkan perkara itu.

"Singapura berharap menerima butiran lebih terperinci dari Malaysia agar kami boleh mengkajinya dan menimbaangkan sekali lagi perkara itu," katanya.

Lee berkata demikian pada sidang media bersama Ismail Sabri hari ini yang juga disiarkan secara langsung menerusi laman Face-

book rasmi beliau, 29 Nov lalu.



ISMAIL Sabri (kiri) membincangkan sesuatu dengan Lee (kanan) ketika mengadakan lawatan rasmi ke Singapura, baru-baru ini. (FOTO: Facebook Ismail Sabri Yaakob)

matan projek HSR apabila kedua-dua negara gagal mencapai persetujuan bagi perubahan yang dicadangkan Malaysia sebelum perjanjian projek itu luput pada 31 Dis, 2020.

Pada Mac tahun ini, Malaysia mengumumkan ia

membayar SG\$102.8 juta (SG\$1=RM3.09) kepada Singapura bagi kos yang ditanggung bagi pembangunan projek HSR dan berkaitan dengan pelanjutan penangguhannya.

Sementara itu mengenai projek Laluan Sistem Transit Rapid (RTS) Johor

Bahru-Singapura, Lee berkata pembinaan projek itu sedang berjalan dan kedua-dua negara berharap sistem itu dapat memulakan perkhidmatan penumpangnya menjelang akhir 2026.

Laluan RTS itu adalah projek kereta api rentas sempadan sepanjang empat

kilometer yang menghubungkan antara terminal stesen Woodlands North di Singapura dan terminal stesen Bukit Chagar di Johor Bahru.

Ia akan menyokong kapasiti kemuncak 10,000 penumpang sejam di kedua-dua arah. - BERNAMA

86 peratus premis seluruh negara peroleh FC

Siti Salehah

BANDA HILIR - Kira-kira 86 peratus premis termasuk bangunan kerajaan di seluruh negara sudah memperoleh sijil perakuan bomba (FC) sejak awal tahun sehingga bulan ini.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Seri Hamdan Wahid berkata, 86 peratus daripada jumlah keseluruhan 8,500 premis sudah mendapat FC manakala bakinya masih dalam proses berikutnya tertangguh selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Beliau berkata, perakuan itu penting bagi menjamin keselamatan sesebuah premis sekiranya berlaku kemalangan seperti kebakaran dapat dicegah lebih awal.

"Memandangkan kita beberapa kali melalui fasa PKP, jadi sektor-sektor tutup ada yang sempat diperiksa dan ada seseorang kita tidak dapat buat kerana PKP.

"Selepas PKP kita akan meneruskan pemeriksaan bangunan ini, jadi kita menasihatkan mereka yang belum mendapat sijil ini untuk kehadapan untuk memohon semula," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penganugerahan Pingat Jabatan dan Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 Peringkat Melaka, 29 Nov lalu.

Menurut Hamdan, pemilik premis



HAMDAN

atau pihak yang gagal untuk memperoleh FC boleh dikenakan tindakan dibawah Akta 341 Akta Perkhidmatan Bomba (APB).

Sementara itu, beliau berkata JBPM menerima aset baharu iaitu 100 buah pacuan empat roda yang akan diagihkan kepada balai bomba dan penyelamat bagi mempertingkatkan operasi di lapangan.

"Pacuan empat roda ini akan diagihkan mengikut keperluan contohnya di kawasan-kawasan terpencil yang sukar diakses. Ia masih dalam proses perolehan.

"Kitajuga bercadang untuk menambah compact fire and rescue tender (CFRT) sebanyak 150 buah namun proses masih berjalan," katanya.



Tender adalah dipelawa di kalangan syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang berkaitan berdasarkan ketentuan berikut:

TAJUK KERJA	SYARAT PENDAFTARAN / KOD BIDANG	LAWAR TAPAK (TARIKH/ MASA/ TEMPAT BERKUMPUL)	PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) BAGI TEMPoh 2 TAHUN UNTUK BANGUNAN MILIK YAYASAN MELAKA DI:- I) KEDIAMAN PELAJAR YAYASAN MELAKA, JALAN TUN ALI, MELAKA II) RUMAH PANGSA TAMAN BERTAM PERDANA, PULAU GADONG, MELAKA III) BANGUNAN BIOTEKNOLOGI, MITC, MELAKA TENDER BIL. 1/2021	KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA KOD BIDANG 220801 (PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN – PERLU LESEN KDN)	16 DISEMBER 2021 (KHAMIS) 10.00 PAGI Di Pondok Pengawal, Kediaman Pelajar Yayasan Melaka, Jalan Tun Ali, Melaka (Taklimat dan Lawatan Tapak bagi ketiga-tiga lokasi adalah DIWAIJIBKAN)	17 DISEMBER 2021 (JUMAAT) hingga 24 DISEMBER 2021 (JUMAAT) RM50.00 Draf Bank atas nama YAYASAN MELAKA	7 JANUARI 2022 (JUMAAT) 12.00 TENGAHARI (dokumen lewat tidak akan dipertimbangkan) Peti Tender Yayasan Melaka, Bangunan Wisma Yayasan Melaka, Jalan Hang Tuah, 75300 Melaka

1. Bagi sesi lawatan tapak dan taklimat tender, pemilik/wakil syarikat diWAJIBkan menghadiri sesi taklimat tapak tender berkenaan manakala wakil syarikat yang hadir diWAJIBkan membawa surat wakil yang sah dan diberikuasaoleh pemilik syarikat.
2. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada pemilik/wakil syarikat yang sah dan diberikuasa dengan membawa perakuan/sijil ASAL dan SALINAN Kementerian Kewangan Malaysia dengan kod bidang yang dinyatakan.
3. Segala butir dan dokumen tender boleh diperolehi semasa waktu pejabat **di Bahagian Hartanah, Bangunan Wisma Yayasan Melaka, Jalan Hang Tuah, 75300 Melaka**.
4. Dokumen tender hendaklah di hantar dengan menggunakan sampul berlakir dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Bangunan Wisma Yayasan Melaka, Jalan Hang Tuah, 75300 Melaka** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada tarikh tutup tender yang ditetapkan.



MIMBAR MAIM

“Be na r-be na r sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengajakan sembahyang.” (Surah Al-A’la, ayat 14-15)

“Demasi sungguhnya! Kami akan mengujakmu dengan sedikit ketakutan, keparahan, dan kekangan dari hartabenda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berlah kahargembira kepada orang yang sabar.” (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Asnaf MAIM terima tablet percuma

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Majlis Agama Islam Melaka mengambil inisiatif tambahan bagi membantu asnaf di negeri ini dengan pelbagai kaedah dan skim bantuan yang disediakan.

Pendidikan anak-anak asnaf khususnya menjadi agenda utama dalam memastikan keluarga mereka mampu melahirkan anak yang berjaya dalam pendidikan seiring dengan akhlak yang mulia.

Seramai 3000 orang terdiri

daripada keluarga asnaf MAIM kategori fakir, miskin dan muallaf layak menerima sumbangan sebuah tablet berserta kad talian telefon secara percuma bagi kegunaan anak-anak.

Setiap pelajar bukan sahaja menerima sebuah tablet, malahan kemudahan data internet secara percuma selama 12 bulan menggunakan talian syarikat telekomunikasi di negara ini antaranya Celcom, Maxis dan juga Digi.

Kemudahan ini merupakan antara kaedah terkini skim bantuan yang disediakan bagi membantu

anak-anak asnaf mengikuti sesi persekolahan melalui pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) akibat pandemik COVID-19.

Di peringkat sekolah, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masih mengadakan sesi persekolahan secara bergilir yang mana sebahagian pelajar mengikuti kelas secara bersemuka dan juga PDPR.

Sumbangan tablet ini juga sedikit sebanyak membantu meringankan beban asnaf yang terkesan terutama mereka yang mempunyai ramai anak yang masih bersekolah



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim menyantuni asnaf yang hadir untuk mendapatkan sumbangan tablet.

dan memerlukan peranti telefon bagi mengikuti proses PDPR yang masih dilaksanakan.

Sehingga kini MAIM telah memperuntukan sejumlah RM3 juta bagi menyediakan skim bantuan tablet ini dan penerima yang layak merupakan mereka yang mempunyai anak yang masih bersekolah berumur di antara 7 tahun sehingga 23 tahun.

MAIM turut menyediakan 19 skim bantuan bagi meringankan beban asnaf dan juga beberapa pro-

gram berbentuk ilmiah dan inovasi yang memberi tumpuan kepada percambahan idea meningkatkan taraf ekonomi dan pendidikan keluarga.

Seramai 7763 penerima bantuan fakir dan miskin serta muallaf telah menerima bantuan makanan bulanan dan pelbagai skim bantuan yang disediakan setiap tahun yang mana segala bantuan akan disalurkan kepada mereka yang layak dari sudut syarak dan kriteria yang telah ditetapkan.



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka | 06-283 7416 / 06-284 9809
Tengah | 06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#) Facebook | [facebook/maimmelaka](#)

Erwin Abu Hasan
erwin@aim.gov.my

Lensa Pernikahan Saudara Muslim



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim hadir menyaksikan dan menyampaikan cenderahati kepada asnaf mualaf atau saudara muslim yang telah melangsungkan pernikahan mereka baru-baru ini. Majlis Pernikahan Dan Walimatul Urus Saudara Muslim itu dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bertempat di Kompleks Darul Huda. Seramai 13 pasangan hadir bersama pasangan telah selamat dilijab kabul oleh Pegawai Agama daerah Jasin, Mawardi Shafai dan Pegawai Agama daerah Alor Gajah, Huzailan Hamzah. Turut hadir Penolong Setiausaha Balai Islam, Hairulamin Mohd Sis.



SKUAD Agihan Zakat (SAZ) MAIM diketuai Pegawai Zakat Melaka Tengah, Dino Md Delan menyantuni asnaf MAIM, Aziz Mohd Ali di Bukit Rambai dalam DUN Paya Rumput baru-baru ini. Aziz yang mempunyai 2 orang anak masih bersekolah kini menyewa sebuah bilik di kawasan Bukit Rambai dan beliau kini menghidap penyakit angin ahmar serta tidak mampu untuk mengurus keluarga mahupun keluar mencari rezeki. MAIM akan membantu beliau khususnya dalam proses penambahan skim bantuan yang bersesuaian serta memastikan persekolahan anak beliau dapat diteruskan dengan sebaiknya.



Rantai hubungan silaturrahim



Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadil
Ketua Pegawai
Eksekutif Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

ISLAM sangat menuntut persaudaraan dan pertalian silaturrahim sesama umatnya. Dalam beberapa hadith telah ditegaskan bahawa sesiapa yang memutuskan tali silaturrahim maka dia tidak akan memasuki surga. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam hadithnya yang bermaksud: "Tidak akan masuk surga seorang pemutus, iaitu pemutus tali kekerabatan." (H.R. Muttafaqun 'alaihi).

Oleh yang demikian, hubungan silaturrahim harus dijaga sebaik-baiknya agar tidak terputus dan juga tidak dihumbani ke neraka kelak nanti. Bagi orang yang sentiasa menjaga hubungan silaturrahim ianya akan selalu mengambil berat tentang saudaranya sama ada cukup makan, pakaian atau tempat tinggal.

Sebagai umat Islam kita seharusnya menitikberatkan hak asasi orang yang kurang berkemampuan, apa gunanya banyak harta tapi tidak mampu menolong saudara sesama Islam sendiri? Jadi renung-renungkanlah, janganlah kita terlalu cintakan harta benda sehingga terabainya ibadah kita kepada Allah SWT.

Pandemik COVID-19 yang melanda negara Malaysia dan seluruh dunia telah menyebabkan ramai orang yang kehilangan punca pendapatan, kehilangan pekerjaan, perniagaan yang ditutup terus dan ada yang kehilangan orang yang tersayang. Justeru itu, kita sebagai hamba Allah SWT yang beriman dan bertaqwa kepada-Nya haruslah bersabar dan redha dengan ketentuan-Nya.

Oleh yang demikian, untuk menjadi seorang insan yang sentiasa prihatin terhadap kesusahan orang lain, maka marilah kita menunaikan tanggungjawab berzakat. Golongan yang berharta dapat membantu golongan kurang berkemampuan, sehingga dapat mewujudkan rasa cinta dan kasih antara satu sama lain. Sebagaimana dalam hadith Rasulullah SAW yang bermaksud: "Barangsiapa yang inginkan untuk dilaskan rezekinya dan dipanjangkan umurnya maka hendaklah ia menyambung tali silaturrahim." (H.R. Bukhari &

" kita mestilah membantu saudara se sama Islam yang kurang berkelempaan dan dalam masa hidupan mereka dengan lebih baik seumpama dan sejahtera, sekaligus dapat menjalankan silaturrahim dan tali persaudaraan yang baik sesama umat Islam dan memartabatkan kestabilan ekonomi Islam sejagat. In Shaa Allah.

Muslim)

Di samping itu, ibadah zakat yang kita laksanakan ini dapat memberi sinar kehidupan asraf yang dibantu supaya mereka tidak

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :
Ibu Pejabat, Tel: 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel: 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel: 06-3845453
- Cawangan Jasim, Tel: 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel: 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel: 06-4413358
- Cawangan Ulu Melaka, Tel: 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp
: Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat
- (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com

melahirkan sifat cemburu, iri hati dan dendri kepada golongan yang berharta serta tidak akan menyalahkan takdir atas kesusahan yang dialami oleh mereka yang dalam kesusahan. Ini adalah ketentuan daripada Allah SWT dalam menguji manusia supaya taat dan akur dengan perintah-Nya.

Justeru itu, kita mestilah membantu saudara sesama Islam yang kurang berkemampuan dalam meneruskan kehidupan mereka dengan lebih sempurna dan se-

jahtera, sekaligus dapat menjalankan silaturrahim dan tali persaudaraan yang baik sesama umat Islam dan memartabatkan kestabilan ekonomi Islam sejagat. In Shaa Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.



KETUA Unit Wakaf, Nasri Buchik mengadakan perbincangan bersama ahli jawatankuasa Surau Al-Karim Mukim Sungai Rambai Daerah Jasin berkaitan proses pewakafan tanah seluas 1.464 hektar.

SERAHAN sijil penghargaan kepada pewakaf yang telah melaksanakan saham wakaf tunai bagi wakaf masjid dan surau serta pendidikan di negeri ini.



Hanya 2.5%

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com



"Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni"



01
FAKIR
RM 6,849,071.20

02
MISKIN
RM 27,621,500.76

08
IBNU SABIL
RM 28,810.00

07
FISABILILLAH
RM 16,831,803.67

03
AMIL
RM 6,999,208.56

06
GHARIMIN
RM 1,639,970.60

04
MUALLAF
RM 3,831,164.39

Perbelanjaan
Wang Zakat
Jan - Sept 2021

05
RIQAB
RM 412,200.00

Jumlah Keseluruhan :
RM 64,213,729.18



@maimmelaka



www.maim.gov.my

Penagih dadah di Melaka meningkat

“ Antara dadah yang dirampas disyaki heroin serta syabu dianggarkan kira-kira 2.3kg dan pil Eramin 5 sebanyak 30 biji, yang jumlah keseluruhannya dianggarkan bernilai RM43,117.80. ”

Siti Salehah

AYER KEROH - Seramai 1,803 penagih dadah ditahan di Melaka sepanjang 1 Jan hingga 28 Nov lalu, kata Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Melaka Supt Zulkiflee Rashid.

Beliau berkata, jumlah itu meningkat 25 peratus berbanding 1,442 pesalah dalam tempoh sama tahun lepas.

Bagaimanapun katanya, individu terlibat aktiviti pengedaran dadah pula merekodkan penu rungan 13 peratus tahun ini iaitu melibatkan penahanan 622 individu berbanding 715 pada 2020.

"Sepanjang Jan hingga 28 Nov, kita telah merampas lebih 337 kilogram (kg) dadah yang mana dadah paling banyak direkodkan adalah syabu dengan berat lebih 316kg dan diikuti heroin dengan anggaran berat hampir 19 kg.

"Selain itu sebanyak 197,233 biji Ecstasy serta 660 biji Eramin 5 turut dirampas dan kesemua itu dianggarkan berjumlah RM14.64 juta," katanya dalam satu kenyataan.

taan pada 30 Nov lalu.

Katanya, kejayaan itu bertitik tolak daripada keberkesanan risikan dengan tangkapan yang berkualiti selain bantuan maklumat daripada orang awam.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan kejayaan JSJN Melaka merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM43,000 dalam tempoh seminggu iaitu bermula 22 hingga 28 Nov lalu.

"Sepanjang tempoh itu seramai 15 individu termasuk seorang wanita turut ditahan selepas diperdayai terbabit dalam penyalahgunaan dadah dan kesemua mereka berusia antara 23 hingga 61 tahun.

"Antara dadah yang dirampas disyaki heroin serta syabu dianggarkan kira-kira 2.3kg dan pil Eramin 5 sebanyak 30 biji, yang jumlah keseluruhannya dianggarkan bernilai RM43,117.80.

"Rampasan dadah itu membabitkan sembilan kes dalam tempoh berkenaan dan kesemua tangkapan disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya lagi.



ALOR GAJAH
4239:/21
SEK 39B ADB
1952

ANTARA tangkapan JSJN Melaka dalam membanteras isu penagihan dadah di Melaka.



MOLEK RESIDENCE

HAK MILIK KEKAL

20' x 70'

Untuk Bumiputera Sahaja

RUMAH TERES 2 TINGKAT



Watch Interior 360° view >>

<https://molekresidence.weebly.com/>

DIBUKA UNTUK PENDAFTARAN

06-337 3333



2.2282773,
102.3281568



Satu lagi projek berprestij oleh:

PADUWAN
REALTY SDN BHD

PB
REALTY





WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: MATEMATIK


JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK: MATEMATIK**SUDUT REVISI BAB TINGKATAN 5****STATISTIK DAN KEBARANGKALIAN STATISTICS AND PROBABILITY**

1. Min / Mean, $\bar{x} = \frac{\sum x}{N}$
2. Min / Mean, $\bar{x} = \frac{\sum f x}{\sum f}$
3. Varians / Variance, $\sigma^2 = \frac{\sum (x - \bar{x})^2}{N} = \frac{\sum x^2}{N} - \bar{x}^2$
4. Varians / Variance, $\sigma^2 = \frac{\sum f(x - \bar{x})^2}{\sum f} = \frac{\sum f x^2}{\sum f} - \bar{x}^2$
Sisihan piawai / Standard deviation,
5. $\sigma = \sqrt{\frac{\sum (x - \bar{x})^2}{N}} = \sqrt{\frac{\sum x^2}{N} - \bar{x}^2}$ 1
6. Sisihan piawai / Standard deviation,
7. $P(A) = \frac{n(A)}{n(S)}$ 1
8. $P(A') = 1 - P(A)$

CONTOH FORMAT SPM 2021 (1449/1) - MATEMATIK KERTAS 1

1. Dalam Rajah 1, titik X dan titik Y terletak pada suatu bulatan unit berpusat O. In Diagram 1, point X and point Y lie on the arc of a unit circle with centre O.

Cari nilai $\sin x^\circ - \cos y^\circ$.Find the value of $\sin x^\circ - \cos y^\circ$.

- A. 1.25
B. 1.5
C. 1.0

2. Suatu set data mengandungi 10 nombor dengan min 5. 6 nombor daripada set data ini kemudian dikeluarkan dengan min yang sama. Tentukan hasil tambah nombor-nombor yang tinggal.

A set of data contains 10 numbers with min 5. Later, 4 numbers in the set of data are removed with the same mean. calculate the sum of remaining numbers.

- A. 10
B. 20
C. 30
D. 40


3. Julat antara kuartil dan sisihan piawai bagi suatu set data ialah 10 dan 8.8 masing-masing. Hitung julat antara kuartil dan sisihan piawai yang baharu jika setiap cerapan dalam set data tersebut didarab dengan 3.

The interquartile range and the standard deviation of a set of data are 10 and 8.8 respectively. Calculate the new interquartile range and the new standard deviation if each value of the set of data is multiplied by 3.


- A. Julat antara kuartil = 30
Sisihan piawai = 26.4
B. Julat antara kuartil = 20
Sisihan piawai = 17.6
C. Julat antara kuartil = 10
Sisihan piawai = 8.8

JAWAPAN:


1.



Untuk mendapatkan nilai $\sin x^\circ$ dan $\cos y^\circ$, pelajar perlu mengetahui cara mengel uarkan maklumat dari gambar rajah di atas. Bagi sudut x, segitiga bersudut tegak mempunyai nilai sisi yang berikut:



Manakala sudut y, segitiga bersudut tegak mempunyai nilai sisi yang berikut:



Menggunakan formula trigonometri,

$$\sin x = \frac{\text{bertentangan}}{\text{hipotenusa}} = \frac{0.5}{1} = 0.5,$$

$$\cos y = \frac{\text{bersebelahan}}{\text{hipotenusa}} = \frac{-0.5}{1} = -0.5.$$

Oleh itu $\sin x^\circ - \cos y^\circ = 0.5 - (-0.5) = 1.0$ (C).

2. Untuk menjawab soalan menentukan hasil tambah nombor-nombor yang tinggal, pelajar perlu terlebih dahulu mengel uarkan maklumat yang diberikan dari soalan. Bagi pernyataan "Suatu set data mengandungi 10 nombor dengan min 5", maklumat yang boleh dikeluarkan adalah $N_{\text{lama}} = 10$, $\min_{\text{lama}} = 5$. Manakala bagi pernyataan "6 nombor daripada set data ini kemudian dikeluarkan dengan min yang sama." Menunjukkan $N_{\text{baru}} = 6$, $\min_{\text{baru}} = 5$. Dengan menggunakan formula (1) dan maklumat $N_{\text{lama}} = 10$, $\min_{\text{lama}} = 5$, pelajar akan memperoleh hasil tambah 10 nombor:

$$\min_{\text{lama}} = \frac{(\sum x)_{\text{lama}}}{N_{\text{lama}}}$$

$$5 = \frac{(\sum x)_{\text{lama}}}{10}$$

$$(\sum x)_{\text{lama}} = 10 \times 5 = 50.$$

Kemudian, pelajar perlu sekali lagi menggunakan formula (1) dan maklumat

$$N_{\text{baru}} = 6, \min_{\text{baru}} = 5 \text{ untuk memperoleh hasil tambah 6 nombor yang dikeluarkan.}$$

$$\min_{\text{baru}} = \frac{(\sum x)_{\text{baru}}}{N_{\text{baru}}}$$

$$5 = \frac{(\sum x)_{\text{baru}}}{6}$$

$$(\sum x)_{\text{baru}} = 6 \times 5 = 30.$$

Maka, hasil tambah 4 nombor yang tinggal adalah

$$(\sum x)_{\text{lama}} - (\sum x)_{\text{baru}} = 50 - 30 = 20. \text{ (B)}$$

3. Apabila setiap cerapan dalam set data tersebut didarab dengan 3, maka julat antara kuartil dan sisihan piawai bagi suatu set data yang lama perlu didarab dengan 3 juga. Maka julat antara kuartil dan sisihan piawai bagi suatu set data yang baru adalah
 $\text{Julat antara kuartil} = 10 \times 3 = 30$ (A)
 $\text{Sisihan piawai} = 8.8 \times 3 = 26.4$ (A)



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

Tunku's Musings: Writing the Nation's History for the Future

hood.

In *Looking Back*, the Tunku wrote about many themes, his childhood, life in Kedah and the Malay states, national politics and the events behind the formation of Malaysia. One piece, published on 17 March, 1975, was about the antics of President Soekarno of Indonesia upon hearing of the word "Malaysia." Tunku's observations were often amusing. Soekarno's actions and reactions, were in Tunku's words "the rantings of a demented person."

Malaysia was *fait accompli*. Earlier, Soekarno was caught off balanced. He had made up his mind never to accept the idea "or the fact of a nation of Malaysia." The Philippines was also determined to prevent the formation of Malaysia. And President Macapagal also wanted to

"In his book, *Looking Back: Monday Musings and Memories*, first published in 1977, the Tunku told us why he wrote the columns – he wanted "to bring home to our young people, in particular students of politics" the historic significance of events since World War II leading to Independence and nationhood. "

get sovereign control of Sabah. Tunku saw Macapagal's "open behavior" belying "his hidden aims."

"And myself," the Tunku asked – "what did I want?" He spelt out his two objectives. One was to create Malaysia out of Malaya, despite Soekarno, and to deny any Philippines's ambition, hidden or open, to get hold of Sabah. He emphasized "I wanted Malaysia, and I had to have Sabah, because without Sabah, there could be no Malaysia."

The other objective "was my

own honour." Tunku had given his word.

Tunku recalled that as early as 1956, when he was Chief Minister of Malaya, he tried to win Soekarno's friendship by visiting Indonesia to "pay him my respects." Then the Malays looked to Indonesia for guidance and help "although we maintained that independence and sovereignty were our heritage." The Malays were only hoping for security to live in close association with Indonesia in particular, and other countries in South-East Asia in general.

The Tunku mentioned to Soekarno that Malaya had to fight against the Communists, and "having exhausted much of our wealth, we now plan for freedom, peaceful living, national development and economic progress."

So when the concept for Malaysia first began taking shape, the Tunku noticed that Soekarno had become inconsiderate, boastful and arrogant. By the time the Summit Meeting came to be held in Manila, the Tunku noted that Soekarno's continuous condemnation of Malaysia "had made it almost certain we would get nowhere, either with him or President Macapagal."

In the July 1963 Summit, Macapagal eulogized the brotherhood of Maphilindo. When he finished his speech, Soekarno refused to say anything. And Tunku felt that "there was no need for me to talk either." Tunku sensed that the ominous signs of tension among them, and so "we tacitly – or should I say tactfully or tactically – decided to remain silent." The Manila Accord was however approved. The Tunku acknowledged that the two presidents promptly invoked Paragraph 10 of the Accord which stated "that the wishes of the people of the Borneo Territories should be ascertained by the Secretary General of the United Nations or his representatives."

During the Manila Summit, the Tunku recalled that the British Charge d'Affaires would frequently visit him to seek information on the current state of affairs. When told about the request to United Nations Secretary General U Thant to send a team to seek views from Borneo, the British diplomat gave a press conference, saying in effect that Ma-

laysia would be formed on August 31, 1963 "no matter what happened." The reportage on the statement started Soekarno off on another fit of temper.

Soekarno did not "happily agree" on the acceptance of the Summit to assess Borneo's opinion on Malaysia. He had insisted on a referendum on a later date than one proposed by U Thant. That made Tunku's negotiation position as an extremely difficult one. He had to be conciliatory enough to draw Soekarno away from his initial unfriendly stand without giving in to any demands which might imperil Malaysia formation.

Despite the last minute Indonesian request, by Dr. Subandrio, for the presence of their observers, which the Tunku described "I knew it for a ploy: an Indonesia trick," U Thant finally issued his findings, based on the UN Mission's Report on 14 September. His verdict favoured the formation of Malaysia. The peoples of Sabah and Sarawak had chosen to join Malaysia on their own free will, "without collusion from any source or authority."

Tunku's path of peace through open diplomacy was seen as the correct choice. Nevertheless no positive signs of friendship then were forthcoming from Indonesia and the Philippines. Soekarno was still angry. He reserved the right to say what he thought. Obviously to Tunku, "more ill-winds would blow against Malaysia." *Konfrontasi* was not over yet.

The Tunku, statesman, shaper of Malaysia, writer, narrator of the past, and an alumnus of PFS, passed away this month on 6 December, 1990. Al-fatihah.

NEXT WEEK:
**The Trengganu Tigers,
Dato' Paroi and Sang
Kanchil**

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ

**LOOKING
BACK**

*Monday Musings
and Memories*

THE HISTORIC YEARS OF MALAYA AND MALAYSIA

LOOKING Back: Monday Musings and Memories.





DR. SHANKAR GUNARASA



PENYAKIT Crohn atau Crohn's disease (CD) atau keradangan usus berlaku pada lapisan nipis mukosa sistem pencernaan kita. Ia adalah sebahagian daripada spektrum Inflammatory Bowel Disease (IBD) di mana sebahagian lagi adalah Ulcerative Colitis (UC). Kebiasannya keradangan yang berlaku pada usus kita terdiri daripada dua penyebab iaitu infeksi dan inflamasi. Dan inflamasi yang menyebabkan IBD dan cara rawatanya cukup berbeza jika iaanya disebabkan oleh infeksi.

Minggu ini saya akan memberi sedikit penjelasan tentang penyakit Crohn. Penyakit Crohn ini terjadi pada seluruh lapisan dinding sistem pencernaan, mulai dari mulut hingga ke anus. Tapi kondisi ini lebih sering terjadi pada bahagian akhir usus kecil (ileum) atau usus besar.


Kepada yang menghidap masalah Crohn, iaanya suatu proses yang sukar dirawat. Penyakit ini adalah penyakit yang berpanjangan dan sering timbul dan hilang. Ianya berlaku pada usia muda atau semasa dewasa, kebiasannya sebelum umur 30 tahun.

Antara simptomnya ialah:

- **Sakit di abdomen.**
- **Cirit berdarah lebih dari 4-6 kali.**
- **Anaemia (kurang darah).**
- **Demam.**
- **Penurunan berat badan.**

Penyakit Crohn ini akan berlaku secara berperingkat dan merupakan masalah kronik yang berlaku secara berperingkat. Ianya akan menjalani proses "acute stage" dan setelah diubati boleh berlaku "flare up" sebelum proses remisi dapat dilakukan. Apakah penyebab penyakit Crohn ini? Penyebab penyakit Crohn hingga kini belum diketahui. Akan tetapi, kombinasi faktor genetik, stress dan pemakanan banyak memberi pengaruh

Apakah itu penyakit Crohn?



kepada masalah ini.

Ketiga faktor tersebut boleh mempengaruhi penyakit Crohn pada golongan yang:

- **Memiliki sejarah penyakit Crohn di dalam keluarga.**
- **Berusia kurang dari 30 tahun.**
- **Tabiat merokok .**
- **Individu yang mempunyai sistem imunisasi yang lemah.**

Bagaimanakah dengan diagnosis-nya? Bagi pemeriksaan awal, doktor akan bertanyakan tentang gejala yang dialami. Selain itu, doktor akan memeriksa apakah terdapat penyebab tertentu terhadap gejala tersebut seperti makanan, sejarah penggunaan ubatan, sejarah kesihatan keluarga, serta perjalanan yang baharu dilakukan.

Pemeriksaan darah dilakukan untuk mengetahui tahap keradangan yang terjadi di dalam tubuh. Selain itu, dengan pemeriksaan darah, doktor akan mengetahui jika terjadi infeksi. Jika dari hasil pemeriksaan darah terdapat tanda anemia, ia tanda kurang nutrisi atau pendarahan di dalam sistem

penghadaman. Pemeriksaan najis akan dilakukan seperti ujian calprotectin untuk mencari tanda-tanda penyakit IBD, infeksi bakteria atau parasit.

Pemeriksaan kolonoskopi dilakukan untuk melihat perubahan sel-sel dinding saluran cerna secara mikroskopis, yang merupakan ciri khas penyakit Crohn.

CT scan dilakukan untuk melihat sejauh mana keradangan atau di mana keradangan usus telah berlaku. Diagnosis dengan cara ini lebih sesuai padapermulaannya di mana pesakit kurang stabil untuk menjalani ujian invasif seperti kolonoskopi.

Setelah diagnosis dibuat, bergantung pada tahap jangkitan iaitu dalam fasa acute, flare-up atau remisi, ubatan yang bersesuaian akan diberikan oleh doktor. Antaranya ialah Kortikosteroid. Pemberian kortikosteroid sesuai untuk mengatasi inflamasi yang terjadi pada acute phase.

Untuk menghindari kesan sampingan ubat ini, disarankan untuk mengurangi dos secara perlahan sebelum akhirnya diberhentikan ketika penyakit ini mula menjadi baik. Ubat anti-inflamasi lain yang digunakan ialah sulfasalazine.

Salah satu ubatan lain yang di gunakan bersama dengan ubat anti-inflamasi ialah

imunosupresen. Ia bertindak dengan cara menekan sistem imunisasi kita sehingga reaksi keradangan pada saluran pencernaan dapat diredakan.

Berikut adalah beberapa jenis dan kombinasi ubat imunosupresen untuk penderita penyakit Crohn:

- **Methotrexate.**
- **Azathioprine.**
- **Cyclosporine.**
- **Tacrolimus.**

Dengan pemodenan pengubatan, kini ubatan biologics diberikan kepada pesakit Crohn yang sedang menjalani remisi. Cara tindakannya ialah menghambat faktor TNF dalam sistem kekebalan tubuh dengan ubatan seperti infliximab, adalimumab, atau ustekinumab. Ubatan seperti ini amat mahal tetapi keberkesannya memang menyerlah. Antara komplikasi yang boleh berlaku dengan penyakit Crohn adalah:

- **Fistula in ano di dubur (beberapa fistula).**
- **Luka di saluran usus.**
- **Saluran usus tersumbat.**
- **Malnutrisi dan anaemia.**
- **Kanser usus sekiranya penyakit disimpan lama.**


Penyakit Crohn dapat dicegah sekiranya penyebab dapat diketahui. Pencegahan terbaik yang dapat dilakukan adalah menghindari faktor-faktor yang dapat meningkatkan risiko terjadinya penyakit ini. Pencegahan dilakukan dengan penerapan gaya hidup sihat, seperti:

- **Mengurangi makanan tinggi lemak dan banyakkan makanan berserrat.**
- **Menghindari dari merokok.**
- **Mengelola stress dengan baik.**

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah IBD atau penyakit Crohn usus, anda boleh berhubung dengan saya, Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoscopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.



Colon with Crohn's disease



Normal colon



Gambar Crohn usus yang telah dibedah.

Sheng Tai berjaya ubah projek terbengkalai sebagai cara menyumbang kepada masyarakat



DATO Leong Sir Ley

LEBIH banyak syarikat perlu melihat potensi dalam pembangunan projek terbengkalai dan menjadikan ia sebagai satu cabang dalam perniagaan harta tanah, kata pemaju harta tanah Sheng Tai International Sdn Bhd (STI) yang telah membangunkan semula dua projek terbengkalai di Melaka.


Syarikat yang terkenal dengan pelancongan harta tanah itu menyifatkan usaha tersebut sebagai satu cara membantu masyarakat setempat dan juga ekonomi negara selain memperolehi keuntungan dari pembangunan baru.

Pada tahun 2017, STI telah mengambil alih sebuah projek terbengkalai dan membangunkan semula menjadi salah satu harta tanah yang berdaya saing di Melaka dan mampu membawa pulangan keuntungan kepada syarikat. Projek tersebut telah dibangunkan menjadi Metrasquare.

"Merasquare merupakan satu kisah kejayaan kepada STI. Ketika kami mengambil alih projek tersebut, ia umpama sebuah bandar hantu. Kini, kawasan projek berkeluasan 6 ekar itu telah dibangunkan menjadi, Metrasquare suite servis, Metrasquare Hotel dan Hotel AMES. Manakala, premis perniagaan dan pusat dagangan masih dalam pembinaan," kata



KEADAAN terkini Metrasquare yang kini menjadi salah satu harta tanah berdaya saing di Melaka.



AMES Hotel Lobby

Pengarah STI, Collin Tan.

Mengambil alih projek terbengkalai adalah salah satu pende-

katan unik STI dalam bidang perniagaan harta tanah.

Tidak dinafikan, banyak cara yang boleh dilakukan untuk membangunkan syarikat namun STI melihat kepentingan dalam memainkan peranan membantu pemaju dan pembeli yang tekesan akibat projek yang terbengkalai.

"Cabarannya apabila mengambil alih projek terbengkalai adalah apabila pemaju sebelumnya tidak telus dalam menyenaraikan liabiliti syarikat sebelum pengambilahan berlaku. Seperti projek Metrasquare, ia melibatkan 600 pembeli dengan total hutang menghampiri RM20 juta.

"Projek ini mempunyai 200 kes mahkamah akibat pembeli tidak berpuas hati kerana perlu membayar ansuran pinjaman bank tanpa sebarang pendapatan dari sewaan. STI perlu menghadiri ke semua prosedur mahkamah ini dari tahun 2017 hingga 2018," kata

Tan.

Pemaju sebelumnya telah menjanjikan Guaranteed Rental Return (GRR) kepada pembeli namun hanya mampu membayarnya bagi tiga bulan pertama sebelum gagal berbuat demikian.

Dalam kes seperti pengambilalihan Metrasquare ini kebiasaannya pemaju akan cuba untuk mengurangkan kos liabiliti dengan menawarkan pembeli untuk menghapuskan hutang dari GRR lama dan mulakan GRR baru.

"Pengasas STI iaitu Dato Leong Sir Ley tidak mahu berbuat sedemikian kerana mungkin kita merasakan jumlah hutang tersebut tidak banyak, tetapi jumlah itu adalah pendapatan dan hak mereka.

"Syarikat melihat usaha ini sebagai satu tanggungjawab untuk memulihkan projek-projek ini mengambil kira kemampuan dan juga kecapakan STI untuk menghidupkan semula projek terbengka-

“Mempunyai banyak projek terbengkalai akan membawakesan buruk kepada kesihatan ekonomi bagi negeri dan negara.”

Iai,” katanya.

Usaha STI dalam membangunkan semula projek terbengkalai bukan sahaja dihargai oleh pembeli-pembeli harta tanah tersebut tetapi juga dihargai oleh pihak berkuasa tempatan.

"Mempunyai banyak projek terbengkalai akan membawakesan buruk kepada kesihatan ekonomi bagi negeri dan negara," ujar Tan.

Selaras mengambil alih Metrasquare, STI telah meneruskan untuk memulihkan harta tanah terbiar lain seperti Regalia Beachfront Residence.

Keputusan STI untuk mengambil alih dan memulihkan kedua-dua pembangunan ini telah memberi impak positif kepada lebih 1,000 pembeli harta tanah tersebut.

"Jika pada masa hadapan ada peluang seperti ini (pengambilalihan harta tanah terbiar) yang sesuai datang, kami sudah tentu terbuka menerima idea kepada pembangunan semula harta tanah tersebut."

Selain itu, Sheng Tai International juga sedang menumpukan pembangunan projek mega The Sail di Melaka yang dijangka siap tidak lamalagi ujarnya.



PROJEK terbengkalai Metrasquare yang dibangunkan semula oleh STI pada 2017.

500 al-Quran wakaf diagih ke seluruh Melaka

Fiqah Jamal

SERI NEGERI - Sebanyak 500 naskah al-Quran wakaf yang diinfakkan oleh Pertubuhan Kebajikan Darul Iman Terengganu (D'Iman) bakal diagihkan ke seluruh Melaka dalam masa terdekat.

Kesemua al-Quran wakaf itu diserahkan kepada Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam dalam satu majlis di Pejabatnya, 2 Dislalu.

Presiden D'Iman, Shahrul Azwan Mohamad berkata, program wakaf al-Quran itu turut mendapat kerjasama dari pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi proses penghantaran dari Terengganu ke Melaka.

"Menerusi perbincangan bersama Tun sebentar tadi, beliau akan menyerahkan al-Quran wakaf ini kepada pihak Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Dunia

Melayu Dunia Islam (DMDI) untuk diwakafkan ke seluruh Melaka.

"Pertubuhan D'Iman telah menjalankan Program Infak al-Quran untuk diwakafkan secara rasmi sejak tahun 2015.

"Sehingga kini, lebih 5,000 naskah al-Quran telah diinfak dan diwakafkan di seluruh negara termasuk ke negara luar seperti India, Indonesia, Thailand dan Sudan.

"Selain program infak Al-Quran wakaf, pertubuhan ini juga turut menjalankan program-program amal seperti menyampaikan sumbangan kepada golongan asnaf dan anak yatim di seluruh negara," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dalam majlis simbolik penyerahan di Pejabat TYT itu, pihak pertubuhan turut menghadiahkan sebingkai gambar lukisan tangan kepada Mohd Ali sebagai cenderahati kenang-kenangan.



MOHD Ali mendengar taklimat dari wakil Pertubuhan D'Iman selepas program penyerahan 500 naskah Al-Quran di Pejabat Yang Dipertua Negeri di Seri Negeri, 2 Dislalu.

Konvokesyen UTeM ke-16 rai 2,979 graduan

Liana Sahabudin

DURIAN TUNGGAL - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menampilkan kelainan pada pesta konvokesyen kali ini dengan membawa konsep TUAH Virtual Convocation Fest 2012 (TUAH VCF'21) yang menyaksikan seramai 2,979 graduan diraikan.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) yang menjalankan fungsi Naib Canselor Prof Dr Ghazali Omar berkata, pesta itu dijenamakan semula yang mana kesemua program semasa konvokesyen dibuat secara dalam talian melalui FB Live MyHEP UTeM.

"Majlis konvokesyen ke-16 ini tetap diadakan secara fizikal selama empat hari bermula 9 hingga 12 Disember 2021 (Khamis hingga Ahad) dengan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan, hanya ibu bapa dibenarkan masuk ke dewan.



GHAZALI (tengah) semasa sidang media pengumuman majlis konvokesyen UTeM ke-16.

"Adalapan sesi diadakan bagi empat hari tersebut mengikut norma baharu dan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan, kira-kira 1,700 jemputan," katanya

dalam sidang media 30 Nov lalu.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof Dr Zulkifilie Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor

(Hal Ehwal Pelajar), Datuk Dr Sabri Mohamad Sharif.

Dr Ghazali berkata, mengikut pecahan, seramai 21 graduan bakal memegang pangkat PhD,

dua graduan pangkat Ijazah Doktor Kejuruteraan, Ijazah Sarjana (190), Ijazah Sarjana Muda (2,254) dan Diploma (512).

"Jumlah ini sekali gus menjadikan sebanyak 55.3 peratus graduan pada tahun ini adalah merupakan graduan Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

"Selain itu, terdapat dua anugerah khas yang akan disampaikan kali ini iaitu Anugerah Pelajaran Diraja dan Anugerah Hadiah Canselor.

"Bagi Anugerah Pelajaran Diraja akan diberikan kepada dua graduan daripada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK).

"Manakala Anugerah Hadiah Canselor diberikan kepada dua graduan dari FPTT dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)," katanya.

Sekolah luar bandar cemerlang dalam bidang STEM

Din Ahmad

LENDU - Sekolah Menengah Kebangsaan Ghafar Baba (SMKGB) di sini, berjaya mengharumkan nama Melaka dan negara apabila menerima anugerah dalam pelbagai pertandingan.

Empat anugerah antarabangsa, tujuh kebangsaan dan tiga negeri tahun ini mengharumkan nama SMKGB dan meletakkannya seberis dengan sekolah lain yang mencapai kejayaan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Anugerah di peringkat antarabangsa ialah anugerah perak pada '9th Malaysia International Young Inventors Olympiad' (MIYIO), emas

(International Digital Innovation and Invention Challenge (IDIIC), gangsa (Short Silence Video Competition for Junior and Senior High School Students in South East Asia) dan emas (Virtual Innovation Competition).

Penyelaras STEM SMKGB, Suhanna Zainudin berkata, kejayaan di peringkat antarabangsa itu sekali gus menjadi pembakar semangat guru STEM dan pelajar untuk mencapai kecemerlangan pada 2022.

"Alhamdulillah, berkat kepimpinan Pengetua, Ramli Abdullah dan komitmen penuh guru serta pelajar, kami mencatat kejayaan di peringkat antarabangsa.

"Kejayaan ini akan cuba dikekalkan pada tahun hadapan dan kalau boleh, biarlah lebih banyak kejayaan

yang kami kecapa," katanya ketika ditemui di sekolah itu, 3 Dislalu.

Di peringkat kebangsaan, lima calon SMKGB melepassi saringan peringkat Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan sedang menunggu keputusan peringkat kebangsaan dalam pertandingan 'Digital Utilisation and Technology Award.'

Selain itu, sekolah itu turut meraih tempat kedua E-Streamwaves Competition dan tempat ketiga ASEAN Future Sustainable Leaders yang akan mewakili Malaysia ke pertandingan peringkat Asia Tenggara.

Kejayaan peringkat kebangsaan yang lain ialah emas Yayasan Peneraju Kejayaan dan anugerah perak Pertandingan Pengaturcaraan Komputer.



ALLIA Najwa Yehya, Arfah Arizam, Nur Adila Shaffiyah Mohd Rosli dan Amna Faqihah Muzaffar berkongsi kegembiraan atas kejayaan merangkul anugerah anugerah emas dalam pertandingan 'International Digital Innovation and Invention. (Foto: DIN AHMAD)

Empat kali reban ayam dimasuki ular

Norizan Muhib

DURIAN TUNGGAL - Seorang pesara tentera terkejut apabila menemukan ular sawa batik sepanjang dua meter yang kekenyangan selepas menelan seekor ayam di sebuah reban berhampiran rumahnya di Kampung Pulau, di sini, 3 Dislalu.

Kahar Khalil, 70, menyedari kejadian itu ketika mahu memberi makan kepada ayam ternakannya di reban miliknya itu kira-kira pukul 7.30 pagi.

"Ketika mahu memberi makan kepada ayam, saya terpandang seekor ular sawa batik berlingkar dalam reban dan dilihat kekenyangan setelah menelan seekor ayam berdasarkan bentuk benjolan pada fizikal ular tersebut."

"Namun, saya berpura-pura tidak menyedari kehadiran ular itu walaupun saya merasa panik sebelum beredar meninggalkan reban untuk menghubungi talian kecemasan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) bagi mendapatkan bantuan," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI).

Ujarnya, kejadian serangan ular sawa tersebut bukan yang pertama sebaliknya telah berlaku kali keempat pada tahun ini.

"Kalau dihitung sudah berbelas kali kejadian ular sawa membaham ayam ternakan saya namun kali ini, ular hanya sempat memakan seekor ayam berbanding sebelum ini, kadang-kadang dua hingga ekor ayam atau itik ternakan saya dimakan oleh ular sawa."

"Selain ayam dan itik, angsa ternakan saya juga pernah dibaham ular, kalau dulu ternakan mencecah sehingga 200 ekor tetapi hari ini, semakin berkurangan sekitar 10 ekor sahaja," katanya.

Menurutnya, dia pernah beberapa kali memasang pagar dan jaring bagi menghalang ular sawa menceroboh masuk ke dalam reban ternakan namun usahanya tidak berhasil.

Ujar Kahar, dia percaya ular sawa batik berkenaan berasal dari habitat hutan berdekatan sungai yang terdapat di bahagian belakang rumahnya.

Sementara itu APM daerah Alor Gajah ketika mengesahkan kejadian itu berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung penemuan reptilia tersebut kira-kira pukul 7.45 pagi.

Seramai empat anggota APM bergegas ke lokasi berkenaan dan mendapati ular sawa batik seberat tujuh kilogram masih berada di dalam reban sebelum ditangkap menggunakan peralatan khas.



ANGGOTA APM menggunakan peralatan khas menangkap ular sawa 7kg yang menelan ayam ternakan di Kampung Pulau.

Pemuda 19 tahun menyamar tentera ditahan

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KUALA LINGGI - Padaham menyamar sebagai tentera dan memiliki pakaian ketenteraan, seorang lelaki berusia 19 tahun ditahan polis, 30 Nov lalu.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah Superintendant Arshad Abu berkata, pihaknya menerima maklumat daripada seorang pegawai tentera sebelum melakukan serbuan di sebuah rumah di Taman Ayer Molek Perdana Kuala Sungai Baru kira-kirajam 9.15 malam.

Hasil serbuan, pihaknya menemui pakaian tentera seperti pakaian no 3 berserta pangkat kapten dan aksesori; pakaian no 5 cekloreng bersama seluar berpangkat kapten dan aksesori; kasut 'spike' dan kasut potong berwarna hitam.

"Selain itu, pihak polis turut merampas tali pinggang Kor Artilleri, dua unit beret 'maroon', sepasang stoking hijau dan apulet lo-

ring berpangkat Leftenan Kolonel.

"Pendedahan awal, suspek mengaku memperoleh pakaian tentera tersebut dengan cara pembelian dalam talian.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 140 Kanun Keseksian dan jika sabit kesalahan boleh dipenjara tiga bulan atau denda RM 1,000 atau kedua-duanya sekali," katanya.

Beliau berkata, tangkapan itu juga membongkarkan satu kesilwatan membabitkan suspek yang dilaporkan oleh seorang lelaki yang mendakwa menjadi mangsa dalam kejadian 23 hingga 25 Nov lalu di rumah yang sama.

Selain itu, suspek juga disiasat berkaitan satu kespenipuan berjumlah RM21,400 dengan menyamar sebagai Mejar Shuhada dan Kapten Saufi bagi memperdaya seorang lagi lelaki melalui aplikasi Whatsapp.

"Suspek kini direman selama lima hari bermula 1 Dis dan ujian saringan air kencing mendapati suspek negatif dadah," katanya.



PAKAIAN tentera yang dirampas dalam serbuan di sebuah rumah di Taman Ayer Molek Perdana, Kuala Sungai Baru.

REJIMEN 11 GERAK KHAS KENYATAAN TENDER

Rejimen 11 Gerak Khas adalah sebuah pasukan Angkatan Tentera Malaysia bertempat di Sungai Udang Melaka. Pasukan ini mempelawa kontraktor-kontraktor untuk memasuki tender terbuka bagi Perkhidmatan Kantin Bujang Pasukan ini. Tender ini mempelawa kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dalam bidang seperti berikut:

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	HARGA DOKUMEN SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	SYARAT UTAMA PELAWAAN	TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP
Perkhidmatan Kantin Bujang Pasukan	RM 100.00	040101	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berdaftar dengan kod bidang yang telah ditetapkan 2. Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah	Isnin 27 Disember 2021 pada jam 1200 tengah hari Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dilayan

Segala butir do-kumen tender boleh didapati semasa waktu pejabat 9.00 pagi hingga 5.00 petang di **Rejimen 11 Gerak Khas, Kem Sungai Udang, 76300 Sungai Udang, Melaka** bermula pada 6 Disember 2021. Dokumen Tender adalah dijual dengan kadar RM 100.00 bagi setiap satu (1) set.

Dokumen Tender hanya dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang membawa **Sijil Pendaftaran ASAL** dan **SALINAN Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan** dalam sub-sub bidang yang ditetapkan.

Dokumen Tender hendaklah dihantar semula ke Pasukan ini sebelum **27 Disember 2021 jam 1200 tengah hari**. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dilayan. Kontraktor-Kontraktor yang berminat boleh hubungi **Mohd Najib bin Salim** di talian **011-10761646** atau **Mohd Kyairul Nizam bin Mohd Zaki** di talian **019-6588837** untuk sebarang pertanyaan.

Nelayan guna kreativiti jana pendapatan Ikan masin guna tenaga solar

Din Ahmad

AYER LIMAU - Sejajar ke-majuan dalam penghasilan tenaga, seorang nelayan di Kampung Ramuan Cina Besar, di sini mengaplikasikan rumah ikan masin yang menggunakan tenaga solar.

Abu Hasan Sulaiman, 61, tidak perlu lagi bergantung kepada cuaca panas untuk menghasilkan ikan masin, sebaliknya beliau sudah mampu menghasilkan produk berkeraan sepanjang masa.

Pada waktu siang dia menjemur ikan dalam rumah ikan masin yang diperbuat daripada kerangka besi dan bumbung lut sinar yang dilengkapi sistem penyimpanan tenaga solar.



RUMAH ikan masin khas menggunakan tenaga solar yang dibina seorang nelayan dari Kampung Ramuan Cina Besar.

Rumah ikan masin berukuran 3x1 meter itu di-

sumbangkan Jabatan Perikanan Melaka bagi mem-



ABU Hasan menunjukkan ikan masin yang telah dikeringkan menggunakan tenaga solar.

bantu meningkatkan ekonomi nelayan melalui penghasilan dan pemasaran ikan masin.

Abu Hasan berkata, beliau bersyukur kerana diberi bantuan dan peluang untuk menghasilkan ikan masin melalui kaedah itu berikutan sebelum ini menggunakan kaedah biasa menjemur di atas para untuk menghasilkan ikan masin.

"Semasa musim hujan saya tidak dapat menjemur ikan masin tetapi dengan adanya rumah ikan masin itu, saya mampu menghasilkan ikan masin sepanjang masadan kualitinya terjamin kerana bebas daripada alat," katanya ketika ditemui di kediamannya di kampung itu 29 Nov lalu.

Abu Hasan adalah seo-

rang daripada kira-kira 30 nelayan di Jeti Kampung Paya Lebar, dekat sini yang menangkap ikan dengan kaedah tradisional seperti memancing, menjaring, memasang bубу, menjala dan merawai.

Antara ikan yang menjadi nadarezekinya ialah gelama, siakap, semilang, duri, pari dan seumpamanya, selain udang galah yang menjadikan jeti berkeraan sebagai tumpuan penggemar haiwan marin itu untuk mendapatkan hasil tangkapan segar.

Katanya, ketika cuaca panas, piring tenaga berkenaan menyimpan tenaga untuk membolehkan kipas dalam rumah ikan masin berfungsi bagi mengeringkan ikan pada waktu ma-

lam.

"Saya hanya perlu memusingkan ikan supaya ia kena cahaya matahari di semua bahagian, sekali gus mengelakkan ikan menjadi busuk akibat tidak terkena cahaya matahari di semua bahagian," katanya.

Dia berkata, selain bergantung rezeki kepada penjualan hasil tangkapan secara konvensional, ikan kering menambah sumber pendapatannya yang ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Katanya, penghasilan ikan masin juga mampu dipertingkat berikutan tempoh menjemur ikan yang lebih singkat dengan menggunakan rumah ikan masin berbanding kaedah penghasilan secara konvensional.



TURUT dibantu ahli keluarga dalam penghasilan produk ikan kering.

Infineon Technologies ambil alih Syntronixs Asia

MELAKA - Pengeluar semikonduktor global dari Jerman, Infineon Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd (Infineon) mengambil alih syarikat penyaduran elektrik yang berpangkalan di Melaka, Syntronixs Asia Sdn Bhd (Syntronixs Asia).

Beroperasi sejak tahun 2006, Syntronixs Asia mempunyai lebih 500 tenaga kerja dan menjadi penyedia perkhidmatan utama Infineon sejak dua tahun lalu.

Syntronixs mempunyai kepakaran dalam penyaduran elektrik iaitu proses utamadalam pemasangan semikonduktor Infineon yang memerlukan pengeluaran produk berkualiti dan kebolehpercayaan (reliability) tinggi.

Naib Presiden Eksekutif Infineon, Alexander Gorski yang ber-

tanggungjawab di sebalik operasi syarikat terbit berkata, pihaknya perlu mengambil langkah sewajarnya bagi meningkatkan mutu penghasilan produk.

"Infineon komited untuk mengambil langkah itu demi memastikan penghasilan produk dipertingkat secara global," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Operasi Bahagian Automatif Infineon, Dr Thomas Kaufmann berkata, susulan langkah mengambil alih Syntronixs Asia, pihaknya akan terus meningkatkan rantaian bekalan Infineon.

"Melalui pengambilalihan ini, kami telah membuat satu lagi langkah penting untuk mengukuhkan dayatahan rantaian bekalan kami," katanya.



INFINEON Technologies kini mengambil alih Syntronixs Asia.

Stadium 'blackout' bukan angkara burung

Fiqah Jamal

MAJLIS Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) menafikan terdapat unsur 'sabotaj' pada malam perlawanan separuh akhir kedua pertemuan Kelab Bolasepak Melaka United (Melaka United FC) menentang KL City FC di Stadium Hang Jebat, 26 Nov lalu.

Datuk Bandar MBMB Datuk Zainal Abu berkata, insiden 'blackout' yang berlaku sebanyak dua kali itu berpunca dari kerosakan alat geganti perlindungan (over current earth fault) atau VCB (vacuum circuit breaker) yang

terdapat pada papan suis utama.

Beliau turut menafikan insiden itu berpunca daripada bangkai burung di panel 'scoreboard' seperti foto yang tular di media sosial.

"Tidak ada isu tentang sabotaj, memang tidak ada, langsung tidak berkait, lebih kepada isu teknikal."

"Pada awalnya pihak kami kesan ada peninggalan bangkai burung di panel 'scoreboard', jadi kita ingatkan itu punca, tapi tidak."

"Kali kedua berlaku blackout, kita ingat

punca dari 'sound system' yang dibawa dari luar, tapi itu juga bukan punca dan selepas perlawanan tamat, kita dapatkan punca sebenar adalah alat pemutus perlindungan atau VCB di papan suis utama untuk pemutus litar telah rosak."

"Jadi tindakan yang diambil, kita akan buat penambahbaikan serta MBMB ambil pendekatan melakukan 'inspection' yang mana pemeriksaan akan dibuat lebih serius dan lebih teliti pada masa akan datang," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Pada 26 Nov lalu, aksi separuh akhir

kedua Piala Malaysia di Stadium Hang Jebat terpaksa ditangguhan lebih sejam susulan ketidadaan bekalan elektrik yang berlaku sebanyak dua kali.

Ia menyaksikan sepak mula terpaksa dianjakkan pada jam 10.15 malam.

Difahamkan, insiden terbabit merupakan pertama kali berlaku di Stadium Hang Jebat dengan Kira-kira 18,000 penyokong sudah membanjiri stadium serta keadaan menjadi kecoh kerana terganggu dengan masalah teknikal tersebut.



INSIDEN 'blackout'
di Stadium Hang Jebat
pada aksi separuh akhir
kedua Piala Malaysia,
26 Nov lalu.

Selamat bersara 'lejen' Melaka

BEKAS kapten kebangsaan, Muhammad Shukor Adan mengakhiri karier sebagai pemain bola sepak dengan kenangan manis apabila membantu Kuala Lumpur City FC (KL City FC) menjulang trofi Piala Malaysia.

Sebelum ini, Shukor, 42 mengumumkan akan bersara seiringnya KL City FC muncul juara.

Dan beliau akhirnya mengotakan janji itu pada malam kegemilangan edisi ke-100 Piala Malaysia, yang menyaksikan skuad ibu kota menewaskan Johor Darul Ta'zim (JDT) 2-0, 30 Nov lalu.


"Kejayaan ini cukup manis buat saya sebelum menutup buku sebagai pemain."

"Saya dengan ini mengumumkan persaraan sebagai pemain di Liga Malaysia."

"Terima kasih kepada semua yang menyokong saya sepanjang 24 tahun bergelar pemain," katanya selepas perlawanan, 30 Nov lalu.

Untuk rekod, Shukor, anak jati Melaka mula terlibat dengan bola sepak sejak 1995 bersama Melaka sebelum menyertai Negeri Sembilan sehingga 2001.

Selain itu, beliau juga pernah menarung jersi Selangor, ATM, Felda United dan yang terakhir bersama Kuala Lumpur.



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA (Melaka State Development Corporation)		
KETERANGAN KERJA	BIDANG DAN TARAF PENDAFTARAN	PEMBAYARAN DOKUMEN
PKNM/T/6-2021	Gred : G3 Kategori : B Penghususan : B24 (Penyelenggaraan Bangunan) Tarikh & Masa : 14 Disember 2021 (Selasa) Lawat Tapak : 10.00 Pagi CADANGAN BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN BANGUNAN DAN KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI RUMAH TRADISIONAL DAN BALAI ADAT, PERKAMPUNGAN HANG TUAH, DUYONG MELAKA UNTUK TETUAN INSTITUT WARISAN MELAKA (INSWA) (Berkumpul di Perkampungan Hang Tuah, Duyong, Melaka)	RM250.00 Dalam Bentuk Kiriman Wang Pos (Money Order) Yang Tidak Akan Dikembalikan Semula.
LAWATAN TAPAK		
Kontraktor yang ingin menyertai tawaran ini adalah <u>DIWAJIBKAN HADIR</u> dalam <u>LAWATAN TAPAK</u> ini. Hanya Kontraktor yang <u>HADIR</u> sahaja <u>DIBENARKAN</u> untuk menyertai tawaran ini. Segala perbelanjaan ke tapak bina adalah atas tanggungan kontraktor. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri Lawatan Tapak atau Taklimat Tender. Walaubagaimanapun lawatan tapak akan diadakan pada ketentuan seperti dijadual dengan mematuhi 'Standard Of Procedure (SOP)' seperti berikut :-		
<ol style="list-style-type: none"> Pemakaian pelitup muka (face mask). Pemeriksaan suhu badan semasa lawatan tapak. Penjarakan sosial sejauh 1 meter Penggunaan sanitasi tangan <ol style="list-style-type: none"> Dokumen Tender serta lukisan boleh diperolehi di Kaunter Bayaran Aras Bawah, Menara MITC, Kompleks MITC, Jalan Konvensyen, Ayer Keroh, pada waktu Pejabat. Dokumen-Dokumen Tender tidak akan dijual selepas tempoh tersebut. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor/ wakil-wakil yang bertauliah sahaja. Untuk maksud ini, kontraktor / wakil hendaklah mengemukakan perkara-perkara berikut :- <ol style="list-style-type: none"> Surat Perwakilan yang <u>ASAL</u> sekiranya kontraktor menghantar wakil. Sijil-sijil asal dan salinan untuk rekod. Tender hendaklah dimasukkan ke dalam <u>Peti Tender di Lobi Aras Bawah, Menara MITC, Kompleks MITC, Jalan Konvensyen, Ayer Keroh, pada atau sebelum pukul 12.00 Tengahari.</u> 		


>>
Bukan
angkara
burung
23

Sukan

MELAKA HARI INI

'Terima kasih
semua'
- Shukor

23



Melaka giatkan usaha pembangunan bola sepak akar umbi

Mencari 'bintang' muda



SULAIMAN menunjukkan aksi menendang bola ketika merasmikan Kejohanan Bola Sepak Akar Umbi anjuran Jawatankuasa Teknikal Dan Pembangunan MUSA.

PERSATUAN Bolasepak Melaka United (MUSA) menyasarkan tempoh 10 tahun untuk membangunkan sukan bola sepak negeri ini dengan misi melahirkan lebih ramai bakat baharu dalam sukan nombor satu negara itu.

Ketua Menteri merangkap Presiden MUSA Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, untuk merealisasikan hasrat itu, program pembangunan akar umbi dan pencarian bakat muda harus bermula sekarang.

Katanya, ia bagi membolehkan jawatankuasa serta sekretariat MUSA merangka pelan pembangunan strategik dalam usaha melahirkan bakat bola sepak terulung dari negeri bersejarah ini.

"Saya tertarik dengan perancangan untuk mencungkil lebih ramai bakat-bakat baharu dalam sukan bola sepak kerana mereka inilah yang akan diketengahkan untuk mewakili negeri dalam saingan Liga Super atau Piala Malaysia nanti."

"Program akar umbi seperti ini sangat penting kerana saya percaya ramai bakat-bakat di Melaka yang berpotensi untuk kita ketengahkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kejohanan Bola Sepak Akar Umbi anjuran Jawatankuasa Teknikal Dan Pembangunan MUSA bertempat di Wisma MUSA, Padang 10, 28 Nov lalu.

Hadir sama, Exco Sukan Negeri VP Shanmugam; Timbalan Presiden MUSA Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi; Naib-

Naib Presiden MUSA Datuk Khairi Anuar Ahmad dan Datuk Wira Sazali Muhamad Din serta lain-lain kenamaan.

Dalam kejohanan itu, sebanyak 14 pasukan bertanding melibatkan 400 peserta bagi kategori bawah 8, 10 dan 12 tahun.

Mengulaslanjut, Sulaiman berkata, selain bakat bola sepak beru-

sia bawah 12 tahun, beliau juga berharap program pembangunan bagi pemain bawah 17 tahun akan turut diperkasakan.

Justeru, beliau menyeru mana-mana persatuan atau kelab bola sepak negeri yang mempunyai bakat berpotensi agar segera mendaftar dengan

MUSA untuk membolehkan segala perancangan pembangunan dapat direncanakan dengan baik demi masa depan sukan bola sepak Melaka.



MENYANTUNI dan memberikan semangat kepada pemain bola sepak cilik di negeri ini.